

Najib, anak tetap kena bayar tunggakan cukai RM1.7b

Lima hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara tolak rayuan dua beranak

Oleh Suraya Roslan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan anaknya, Datuk Mohd Nazifuddin Najib perlu membayar tunggakan cukai pendapatan masing-masing RM1.69 bilion dan RM37.6 juta bagi 2011 hingga 2017 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Keputusan itu diputuskan panel lima hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim sebulat suara selepas menolak rayuan dua beranak itu sebagai perayu terhadap keputusan dibuat terhadap mereka berhubung tunggakan cukai pendapatan.

Turut bersidang dalam panel itu Hakim, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah, Tan Sri Nallini Pathmanathan, Datuk Mary Lim Thiam Suan dan Datuk Abu Bakar Jais.

Ketika membaca penghakiman panel itu, Nallini berkata, Akta Cukai Pendapatan (ACP) memperuntukkan suatu sistem 'bayar dahulu, pertikai kemudian' adalah berasal *inter alia* daripada Seksyen 103(1) ACP yang mem-

peruntukkan cukai yang perlu dibayar di bawah taksiran bagi satu tahun taksiran perlu dibayar pada tarikh genap masa.

"Bagi Seksyen 106 ACP 1967 memperuntukkan bagi hutang berkanun, ia perlu dibayar bagi maksud mendapatkan hutang itu sahaja.

"Seksyen itu juga berperlembagaan dan tidak menceroob kuasa kehakiman atau melanggar Perakara 5(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil," katanya.

Nallini berkata, perayu menyatakkan Seksyen 106(3) akta sama meletakkan mereka pada kedudukan yang tidak setara dengan responden.

Tak langgar Perlembagaan

"Perayu berpendapat, seksyen itu memberi kuasa yang luas kepada pihak bertentangan, berhubung perkara cukai sekali gus menyebabkan pelanggaran hak terhadap Najib untuk mendapat layanan sama rata," katanya.

Nallini berkata, mahkamah

mendapati, tiada pelanggaran Perakara 8 Perlembagaan Persekutuan kerana statut cukai lulus mesti mematuhi klasifikasi.

Menurutnya, tugas mengenakan cukai adalah fungsi kedaulatan kerajaan, maka ia tidak boleh dianggap sebagai fungsi persendirian.

Katanya, responden mengenakan cukai ke atas Najib dan anaknya sebagaimana terpakai kepada semua warga negara.

Justeru, beliau berkata, hujahan pembelaan oleh dua beranak itu berhubung dakwaan terdapat pelanggaran Perakara 8 tidak berasas.

Katanya, ACP dilaksana untuk pastikan pungutan cukai dengan cekap demi kepentingan rakyat secara keseluruhannya, malah Seksyen 106(3) akta itu mempunyai hubungan rasional dengan pungutan cukai mampan.

"Di rayuan ini, kuasa berkenaan mampu menjejaskan sistem pungutan cukai dan fungsi kerajaan serta rakyat.

"Justeru, rayuan dua perayu ditolak dengan tiada perintah ter-

hadap kos," katanya.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, hadir mewakili Najib dan Nazifuddin, sementara Ketua Peguam Cara Hasil, Dr Hazlina Hussain, bagi pihak LHDN selaku responden.

Bagaimanapun, Najib dan anaknya tidak hadir ketika prosiding berlangsung.

Najib dan Nazifuddin merayu selepas dua Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2020 membenarkan permohonan LHDN memasukkan penghakiman terus bagi mendapatkan semula tunggakan cukai RM1.69 bilion daripada Najib serta RM37.6 juta daripada Nazifuddin bagi tempoh antara 2011 hingga 2017.

Dua beranak itu juga gagal dalam rayuan di Mahkamah Rayuan pada 9 September 2021 untuk mengetepikan penghakiman terus itu dan pada 10 Mei 2022, mereka memperoleh kebenaran meneruskan rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

Pada 25 Jun 2019, kerajaan menerusi LHDN memfailkan saman terhadap Najib menuntut bekas Presiden UMNO itu membayar jumlah berkenaan bagi cukai pendapatan yang belum dibayar, kadar faedah lima peratus setahun dari tarikh penghakiman, kos dan relif lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

LHDN, melalui Kerajaan Malaysia juga memfailkan writ saman terhadap Nazifuddin pada 24 Julai 2019, mendakwa anak Najib ini belum membayar cukai untuk tahun taksiran selama tujuh tahun bermula dari 2011, seperti yang dinyatakan melalui notis taksiran bertarikh 15 Mac 2019.

